

18 FEB 1999

Sabah-Peter

BEKAS KETUA MENTERI TIDAK JEMU MENGIKUTI POLITIK SABAH

Oleh: Eddy Lok

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Walaupun sudah lanjut usia, bekas Ketua Menteri Tan Sri Peter Lo, tidak jemu-jemu mengikuti perkembangan dan drama politik Sabah yang penuh berwarna-warni sejak tiga dekad lepas.

Lo, 74, ialah pemimpin masyarakat Cina yang pertama dilantik ketua menteri "Negeri Di Bawah Bayu" ini pada awal 1965, setahun selepas Sabah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia.

Lo menyifatkan dirinya terlalu tua untuk menyertai politik, tidak seperti empat orang bekas ketua menteri yang terbabit dalam pertarungan "hidup atau mati" pada pilihan raya negeri kali ini.

Mengikuti perkembangan dalam politik sentiasa menarik minat tokoh yang dilantik sebagai ketua menteri pada 1 Jan, 1965 ketika Sabah dibelenggu krisis politik apabila Ketua Menteri pertama ketika itu Donald Stephens (kemudian Tun Fuad Stephens) dan Tun Datu Mustapha Harun, Gabenor yang pertama, terbabit dalam pergelutan bagi kuasa.

"Semua orang bertanggungjawab mengikuti perkembangan dalam politik dan hal ehwal Sabah supaya jangan pula kita menyalahkan pihak lain terhadap apa yang berlaku kemudian," kata beliau kepada Bernama di rumahnya di Tanjung Aru di sini.

"Sata berpendapat, sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita harus mengikuti perkembangan dalam politik ... kita tidak boleh menyalahkan kerajaan jika sesuatu yang buruk berlaku... Saya tidak tahu bagaimana pula pendapat bekas ketua menteri yang lain," kata Lo, yang menjadi Ketua Menteri sehingga Mei 1967.

Bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh, 68, mengetuai Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) pada pilihan raya kesembilan dan berhasrat untuk bertanding di semua 48 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Seorang lagi bekas Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang memimpin Parti Bersatu Sabah (PBS), parti berteraskan Kadazandusun, kini cuba bangkit kembali setelah partinya kehilangan majoriti dalam dewan selepas pilihan raya negeri 1994 apabila ramai anggota dari parti itu "berpaling tadah".

Dalam pada itu, dua orang lagi bekas ketua Menteri yang bertanding ialah Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee dan Datuk Salleh Said Keruak.

Kedua-dua mereka masih mudan dan menjadi ketua menteri di bawah sistem penggiliran jawatan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sistem penggiliran jawatan itu dianggap sebagai yang terbaik untuk Sabah bagi memastikan kuasa dikongsi bersama di kalangan suku kaum utama di negeri ini.

Lo sambil berjenaka berkata beliau memegang jawatan ketua menteri lebih lama daripada mereka yang menyandang jawatan itu.

"Saya menjadi ketua menteri selama dua tahun setengah sehingga Mei 1967 iaitu melebihi tempoh di bawah sistem penggiliran jawatan yang diamalkan sekarang," kata beliau.

"Saya berpendapat mereka tidak menganggap saya sebagai orang Cina apabila diminta mengambil alih sebagai Ketua Menteri," kata Lo dengan menarik perhatian kepada krisis politik yang perlu diatasi.

Lo menambah kata beliau juga rapat dengan Perdana Menteri ketika itu Tunku Abdul Rahman dan timbalannya Tun Abdul Razak.

"Sentimen di Sabah begitu memuncak apabila saya mengambil alih.

Masyarakat tempatan amat menyukai British selepas kira-kira 100 tahun berada di bawah pentadbirannya.. jadi, tentu ada yang berpuas hati dan yang kurang senang," kata beliau,

Politik balak dan sikap British yang lebih suka kepada Stephens bagi mengekalkan kuasa politik melalui jawatan ketua menteri dan cabaran daripada Tun Mustapha mahu tidak mahu mendorong kerajaan persekutuan memujuk Lo, ketika itu Menteri Tanpa Portfolio dalam Kabinet persekutuan, menerima jawatan ketua menteri.

Beliau ialah rakyat Sabah yang pertama menyertai Kabinet persekutuan.

Menurut Lo, apabila Kemerdekaan dicapai pada 1963, ada persesefahaman di kalangan semua parti bahawa gabenor hendaklah terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam akan menjadi ketua menteri tetapi politik balak menyukarkan keadaan dan akibatnya Stephen dan Tun Mustapha tidak sehaluan.

Stephens yang sebelumnya disebut-sebut bagi menyandang jawatan ketua menteri oleh pihak British mengikut Sistem Anggota, telahpun menjadi Ketua Menteri walaupun sebelum penubuhan Malaysia.

Tetapi British yang membolot kuasa sebenarnya berdasarkan hakikat bahawa kebanyakan mereka masih pegawai daerah, setiausaha tetap dan pengarah Jabatan Kerja Raya.

Lo tidak menyebelahi mana-mana pihak. Beliau cuma mahu meredakan krisis dan mewujudkan senario seperti dikehendaki oleh kepimpinan pusat..

"Kebanyakan orang bawahan saya juga tidak berpuas hati kerana saya tidak memberi lesen balak kepada mereka. Tun Mustapha tidak berpuas hati kerana saya bersikap terlalu adil kepada semua...," kata beliau.

Lo berkata bentuk politik Sabah yang berubah-ubah kekal hingga sekarang. yang pasti ialah tiada suatu yang pasti seperti mengikut ramalan penganalisis politik.

Beliau juga berkata beberapa orang bekas ketua menteri juga mempunyai sebab sendiri untuk terbabit dalam pilihan raya negeri.

"Yong (pemimpin masyarakat Cina yang kedua menjadi Ketua Menteri) masih mempunyai pengaruh yang kuat dalam SAPP dan terbabit dalam politik Sabah dan begitu juga dengan Harris. Pairin mempunyai matlamat sendiri menyertai politik.

"Harris berkata beliau akan memberi tempoh kepada BN dan Umno untuk membuktikan keupayaannya dna saya tidak terkejut beliau kembali dalam arena. Ketua-ketua Menteri sebelumnya menyangka mereka boleh menyumbang sesuatu kepada kemakmuran Sabah," katanya.

Ketika ditanya mengenai implikasi pilihan raya kali ini, Lo berkata: "Jika PBS dan Bersekutu tidak bekerjasama, kedua-dua parti itu tidak mempunyai peluang apabila menentang BN ... BN ialah jentera politik kukuh yang dikendalikan dengan cekap. BN juga telah diuji.

"Bagi Umno, faktor yang memungkinkan keadaan memihak kepada BN ialah populariti Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri," kata beliau dan menambah kata beliau percaya faktor itu akan menyebelahi BN.

-- BERNAMA

EL AU FAZ